

Lapan pelajar UNIMAS terima Anugerah Cemerlang Zecon

US Selasa

11/8/09 P.2

KOTA SAMARAHAN, Isnin — Lapan pelajar Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak(UNIMAS) telah menerima Anugerah Cemerlang Zecon daripada Zecon Bhd.

Mereka yang menerima anugerah tersebut ialah Ting Sie Chun dan Timmy Jupiter pelajar Program Kejuruteraan Awam, Program Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (Norlelawaty Osman dan Ricky Stu Anding), Program Kejuruteraan Elektronik dan Telekomunikasi (Azfar Satari Abdullah dan Edward David Mrieg), Program Kejuruteraan Elektronik dan Komputer (Lee Kim Khoon dan Kee Mee Lee).

Penerima anugerah itu merupakan pelajar-pelajar yang mempamerkan prestasi cemerlang dalam pembelajaran mereka di samping aktiviti ko-kurikulum di UNIMAS.

Majlis penyampaian

Anugerah Ce-merlang Zecon itu telah disampaikan oleh Pengarah Eksekutif Zecon Bhd, Abang Azahari Abang Osman di Bilik Mesyuarat Fakulti, Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dr. Khairuddin Ab Hamid dan Dekan Fakulti Kejuruteraan Prof Dr Wan Hashim Wan Ibrahim.

Majlis ini menandakan enam tahun kerjasama antara Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS bersama Zecon Berhad sejak ia diperkenalkan pada 2003.

Anugerah tersebut merupakan salah satu tanggungjawab sosial korporat Zecon di dalam menyediakan anugerah kecermerlangan akademik bagi menggalakkan penca-

paian cemerlang di UNIMAS terutamanya di kalangan pelajar Fakulti Kejuruteraan.

Syarikat Zecon Bhd turut mengekalkan matlamat mereka di dalam bidang akademik dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar UNIMAS dan pelajar universiti tempatan lain.

Selain itu, Syarikat Zecon Bhd turut mempunyai kerjasama lain dengan kerja-kerja pembinaan bangunan dan juga menyediakan kemudahan lain di kampus baru UNIMAS termasuk kerja-kerja mekanikal, elektrik, kerja paip dan turut

membekalkan bahan-bahan dan tumbuhan.

Hingga ke hari ini, terdapat empat jabatan yang telah diwujudkan oleh Fakulti Kejuruteraan peringkat Prasiswa iaitu Jabatan Kejuruteraan Sivil, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan, Jabatan Kejuruteraan Elektronik dan yang terkini Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Sustainabiliti Tengaga.

Selain itu pihak Fakulti Kejuruteraan juga menawarkan kursus peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah menerusi penyelidikan.